

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh: 18/12/2025

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini menyediakan maklumat penting tentang insurans hayat anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1 Apa itu Merchtrade Insure – Life?

Merchtrade Insure – Life ialah pelan insurans hayat bertempoh tanpa penyertaan yang boleh diperbaharui setiap tahun yang menyediakan perlindungan bagi kematian. Ini adalah pelan Perlindungan Tenang.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, bagi RM7.50* secara bulanan, anda akan menerima **perlindungan** seperti yang berikut:

**Premium yang ditunjukkan adalah terpakai untuk lelaki berumur 30 tahun pada hari jadi lepas yang tidak merokok, dengan Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak RM30,000.*

Kematian	RM30,000
Kematian Tambahan akibat Penyakit Khusus	RM30,000
Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan.

Insurans hayat anda **tidak termasuk**:

- Keadaan sedia ada dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kuatkuasa polisi;
- Sebarang perbuatan haram/tidak sah atau pendedahan sengaja kepada bahaya (selain daripada percubaan menyelamatkan nyawa manusia), kecederaan disengajakan, bunuh diri atau percubaan bunuh diri, sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman; dan
- Rusuhan dan kekacauan awam di mana anda memainkan peranan aktif di dalamnya.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai pengecualian yang penuh.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi
03-7652 3388



Layari
[Merchtrade Insure – Life](#)



Emel
customerservice@mcis.my

Anda juga boleh menghubungi pengedar di:

Merchtrade Asia Sdn. Bhd. No. Pendaftaran 199601038238 (410591-T)

Ibu Pejabat : Suite 1632, 16th Floor, Lobby 7, Block A, Damansara Intan,
No 1, Jalan SS20/27, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel : 03-8313 8606

Emel : MI_enquiries@mtradeasia.com

Bagi insurans hayat anda, anda harus membayar premium sebanyak:						
Premium	Jumlah Asas Diinsuranskan (RM)	Premium (RM)				
		Pelan Bulanan	Pelan Suku Tahunan	Pelan Setengah Tahunan	Pelan Tahunan	
		4,000	1.00	3.00	6.00	12.00
		6,000	1.50	4.50	9.00	17.00
		8,000	2.00	6.00	12.00	22.00
		12,000	3.00	9.00	18.00	30.00
		16,000	4.00	12.00	24.00	40.00
		20,000	5.00	15.00	30.00	50.00
		30,000	7.50	22.50	45.00	75.00
		Tempoh Insurans: Sehingga umur 66 tahun pada hari jadi lepas		Tempoh Pembayaran Premium: Sehingga umur 65 tahun pada hari jadi lepas		
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:						
Komisen	10.00% daripada jumlah premium dibayar.					
	Jumlah Asas Diinsuranskan (RM)	Komisen (RM)				
		Pelan Bulanan	Pelan Suku Tahunan	Pelan Setengah Tahunan	Pelan Tahunan	
		4,000	0.10	0.30	0.60	1.20
		6,000	0.15	0.45	0.90	1.70
		8,000	0.20	0.60	1.20	2.20
		12,000	0.30	0.90	1.80	3.00
		16,000	0.40	1.20	2.40	4.00
		20,000	0.50	1.50	3.00	5.00
		30,000	0.75	2.25	4.50	7.50

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin mengalami risiko tuntutan anda ditolak atau polisi anda ditamatkan. - Terma polisi dan premium mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan oleh MCIS Insurance Berhad. - Premium adalah tidak dijamin. MCIS Insurance Berhad berhak untuk mengubah premium dengan memberikan 30 hari notis dahulu. - Tempoh tangguh selama 30 hari bagi kekerapan pembayaran premium tahunan. Pelan insurans hayat anda akan luput sekiranya sebarang premium tidak dibayar dalam tempoh tangguh. Bagi kekerapan pembayaran premium lain, tempoh tangguh tidak terpakai. - Maksimum Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak RM60,000 bagi setiap Hayat yang Diinsuranskan di bawah semua polisi-polisi Merchantrade Insure – Life yang dikeluarkan dalam mana-mana satu tempoh insurans. - Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur tuntutan dan borang-borang yang berkenaan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad. - Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang penama(-penama) bagi pelan ini dan memastikan penama(-penama) anda sedar tentang pelan insurans yang telah anda beli. - Jika anda bertukar polisi anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu bagi pelan insurans baharu atau oleh syarikat insurans baharu.	Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai terma dan syarat yang penuh.
---	---

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

- Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan Polisi anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran Polisi. MCIS Insurance Berhad akan membayar balik kepada anda premium yang telah dibayar tanpa faedah.
- Selepas Tempoh Bertenang:** Jika anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan Polisi anda selepas tempoh bertenang, anda boleh membatalkan dengan menulis kepada MCIS Insurance Berhad. Polisi ini tiada bayaran balik premium dan tiada nilai serahan.

Inisiatif oleh:

